

Galas tugas lebih besar

► Kenaikan pangkat dorongan untuk berusaha gigih

Oleh ISAB KHAN MUKARAB SHAH

UB 9.1.2015 B3

KOTAKINABALU: Kenaikan pangkat dalam pekerjaan seharusnya memberikan dorongan kepada kakitangan untuk lebih berusaha gigih dalam menggalas tanggungjawab dan tugas yang lebih besar.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Dr Harun Abdullah bagaimanapun menegeskan jangan pula apabila dinaikkan pangkat dan diberikan kerja tambahan, kakitangan berkenaan meminta untuk pertambahan staf bawahan.

Menurutnya, perkara itu adalah cabaran yang harus difahami oleh semua kakitangan

dan bukannya sewenang-wenang bertindak di luar batas.

“Bagaimanapun, sejajar dengan pembangunan UMS dari masa ke semasa, pihak pengurusan universiti akan sentiasa melihat kepada produktiviti dan penggerak pelaksanaan aktiviti berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Meraikan dan Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat (Kakitangan Akademik dan Bukan Akademik) di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Harun turut mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendaftar kerana merealisasikan amanat pada awal tahun iaitu mengadakan eksesais kenaikan pangkat sekali



HARUN (tengah) bergambar kenangan dengan para penerima.

setahun bagi jawatan profesor dan profesor madya, dan dua kali setahun bagi jawatan pensyarah kanan.

“Manakala bagi bukan akademik, kenaikan pangkat akan diadakan berdasarkan waran perjawatan yang kita perolehi,” katanya.

Beliau berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan perjawatan secara fleksi kepada jawatan bukan akademik.

“Sesungguhnya, pengwujudan jawatan ini akan memberi laluan kerjaya yang lebih baik kepada kakitangan namun ia juga membawa satu cabaran yang perlu kita semua hadapi dengan bijaksana dan dengan usaha yang gigih.

“Kenaikan pangkat secara fleksi tidak akan membawa kepada pengwujudan jawatan baharu atau pertambahan kakitangan sebaliknya kakitangan yang dinaikkan pangkat perlu meningkatkan

produktiviti secara kreatif dan inovatif agar konsep ‘multitasking’ dapat dilaksanakan sebaiknya,” katanya.

Harun berkata, harus diketahui bahawa kenaikan pangkat itu bukanlah hak mutlak kepada individu. Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada prestasi, pencapaian serta ciri kepimpinan yang ada dalam diri seorang kakitangan.

“Di sini juga saya ingin menjelaskan bahawa bonus akan diberikan kelak berdasarkan prestasi kakitangan serta mengikut kemampuan universiti.

“Perkara ini adalah harus sama diteliti dan difahami berikutan beban kewangan yang dialami oleh pihak kerajaan disebabkan masalah banjir yang menimpa beberapa negeri di Semenanjung,” katanya.

Seramai 14 kakitangan menerima surat tawaran kerja pada majlis berkenaan.



HARUN (kanan) menyampaikan surat tawaran kepada salah seorang penerima.